

KPDNHEP aktifkan operasi kesan peniaga naikkan harga barang

Mei 16, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



SEKINCHAN, 16 Mei - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengaktifkan operasi bagi mengesan peniaga yang sengaja menaikkan harga ayam.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata pihaknya menerima banyak laporan berhubung kenaikan harga ayam di beberapa lokasi termasuk di Terengganu.

Ujarnya, peniaga dikesan sengaja mengambil kesempatan menaikkan harga ayam sebelum kerajaan mengumumkan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Sempena Aidilfitri.

Tegasnya, ini adalah satu kesalahan dan tindakan tegas akan diambil agar perkara seperti ini tidak berterusan.

Beliau ditemui pemberita di Bagan Sekinchan, Selangor.

Dalam pada itu, beliau memberitahu KPDNHEP telah menyenaraikan 11 barangan dalam skim harga maksimum bagi perayaan Aidilfitri.

Senarai barangan itu akan diumumkan menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, Selasa depan.

Dengan pelaksanaan harga maksimum ini diharap akan membantu orang ramai merancang perbelanjaan bagi persiapan hari raya nanti.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/18418-kpdnhep-aktifkan-operasi-kesan-peniaga-naikkan-harga-barang>